

Info Sukan



Kejohanan Bolasepak Piala BUMITA 2005

Pasukan KUKUM FT sekali lagi telah menjuarai peringkat kumpulan Kejohanan Liga Bola Sepak Piala Bumita 2005 dengan memenangi 10 daripada 11 perlawanan yang diadakan. KUKUM FT telah kalah dengan 1-0 kepada pasukan Istana FC. Pasukan ini telah membuat jaringan sebanyak 49 gol dan bolos sebanyak 6 gol sahaja dengan penjaring terbanyak KUKUM ialah Che Hussin Man. Pasukan KUKUM dengan wajah baru pada tahun ini dengan kemasukan beberapa bekas pemain Liga M dan Liga Simpanan seperti Suhairi Karim, Khairul Amir Hamid, Aznan Razak dan ramai lagi.

KUKUM FT telah melangkah ke perlawanan separuh akhir yang akan berlangsung pada 6 Ogos ini dan akan menentang pasukan KSK PKENPs FC. Diharap KUKUM FT dapat mempertahankan kejuaraan yang dimenangi pada tahun lepas. Sokongan daripada seluruh warga KUKUM amatlah dialukan bagi memberi sokongan kepada pasukan KUKUM FT. Jurulatih pasukan yang diketuai oleh bekas pemain kebangsaan iaitu Khamal Idris Ali di harap dapat membentuk satu pasukan yang mantap lagi dengan latihan yang konsisten bagi menghadapi kejohanan yang lebih besar.